

Bahagian A

[20 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Arahan: Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Soalan 1 hingga 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- _____ itu diundang khas untuk merasmikan pertandingan permainan tradisional.
A Dermawan C Karyawan
B Usahawan D Budayawan
- "_____, saya tidak bersetuju dengan pendapat Azli yang tidak masuk akal itu!" bentak Akif.
A Eh C Ah
B Amboi D Aduhai

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- Sebelum menyeterika baju, Suraya _____ air ke atas baju tersebut supaya mudah dilicinkan.
A menyiram C merenjiskan
B melururkan D menyapukan
- "Marilah kita berbual-bual dan berteduh di bawah pokok yang _____ itu," kata Mak Limah kepada Kak Timah.
A rendang C bantut
B renek D muda
- Kerajaan menggalakkan _____ asing sebagai satu daripada langkah untuk memacu ekonomi negara.
A pelaburan C pendatang
B pembelian D perniagaan

Soalan 6 hingga 9

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu ditanda dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- Bomoh itu memulakan acara rawatannya dengan A
bacaan beberapa potong mantera yang tidak C
difahami. Tiada kesalahan D
- Kesan terhadap ekosistem di kawasan A
pedalaman itu perlu dianalisa sebelum C
pembangunan dilaksanakan. Tiada kesalahan D
- Hakim menjatuhi hukuman penjara A
selama lima tahun setengah kepada B
peragut itu. Tiada kesalahan D
C
- Akhbar terkemuka itu akan menerbitkan A
majalah dwi-bahasa yang akan diedarkan B
secara percuma kepada murid prasekolah di C
seluruh negara. Tiada kesalahan D

Soalan 10 hingga 11

Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- I Emak mengadu bahawa beberapa *anggota* badannya sakit-sakit.
II Lapan orang *anggota* bomba dikejarkan ke tempat kemalangan itu.

- III Suzy memasukkan semua *anggota* masakan ke dalam periuk itu.
- IV Haji Halid ialah *anggota* ketua kampung yang disegani oleh masyarakat tempatan.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja
11. I Fikiran Reen *melayang* jauh kerana terkenang akan kisah lampaunya di Tokyo.
- II Akibat kecuai seorang pemandu lori, dua nyawa *melayang* dalam kemalangan ngeri itu.
- III Beberapa kali pesawat ringan itu *melayang* rendah di kawasan bendang.
- IV Ayam sudah berkokok, barulah matanya *melayang* hendak tidur.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 12 hingga 13

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

12. Siapa yang telah melanggar peraturan sekolah akan dihukum.
- A Siapa-siapa yang akan melanggar
- B Siapa-siapa yang telah melanggar
- C Siapa yang akan melanggar
- D Siapa yang telah melanggar
13. Ibu tua itu menunggu kepulangan anaknya yang hilang di laut dari masa ke semasa.
- A dari masa kepada masa
- B daripada masa ke semasa
- C dari semasa ke semasa
- D dari masa ke semasa

Soalan 14

Pilih ayat-ayat yang betul.

14. I Sejak dari kematian ayahnya, Umar mengalami masalah kemurungan.
- II Surat itu diterimanya daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.
- III Guli-guli itu dibahagikan kepada dua bahagian.
- IV Campuran bahan kimia itu mengubah air dari warna biru kepada warna hijau.
- A I dan II sahaja
- B II dan III sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 15

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

15. Amalan rumah terbuka banyak memberikan faedah terutamanya dalam usaha mengeratkan perpaduan masyarakat majmuk.
- A Masyarakat majmuk akan lebih bersatu padu setelah menyertai rumah terbuka.
- B Nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk dapat ditonjolkan melalui amalan rumah terbuka.
- C Antara kebaikan rumah terbuka adalah dapat mengeratkan nilai perpaduan antara masyarakat pelbagai kaum.
- D Antara manfaat amalan rumah terbuka ialah masyarakat akan lebih menyedari pentingnya nilai perpaduan.

Soalan 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

16. Nasib Imran _____ kerana kehilangan ibu dan bapanya akibat terlibat dalam kemalangan jalan raya.
- A bagai embun di hujung rumput
- B seperti orang buta kehilangan tongkat
- C bagai melukut di tepi gantang
- D seperti cacing kepanasan